



**JABATAN KERJA RAYA,
NEGERI SABAH, MALAYSIA**
KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada petender - petender untuk membuat tawaran bagi perolehan kerja berikut :-

Rujukan Tender	Tajuk Projek	Gred, Kategori dan Pengkhususan / Kelas, Kepala dan Sub-Kepala	Harga Dokumen Tender	Jenis Tender	Tarikh Melapor Diri, Masa & Tempat Bagi Taklimat dan Lawatan Tapak
JKR.JUB (S) 600-5/1/856	PEMBINAAN MENARA RADAR CUACA, PEJABAT DAN DUA (2) UNIT KUARTERS DI TUARAN, SABAH	1. <u>Opsyen 1</u> i) Berdaftar dengan CIDB ii) Memegang Perakuan Pendaftaran CIDB; Gred : G6 Kategori : B Pengkhususan: B04 (Kerja-kerja Pembinaan Bangunan) dan Kategori : CE Pengkhususan: CE10 (Kerja Cerucuk) dan iii) memegang Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah. ATAU 2. <u>Opsyen 2</u> i) Berdaftar dengan PUKONSA Kelas A Sahaja, Tajuk II, Tajuk Kecil 2 (b) (Bangunan Rangka Konkrit Bertetulang yang Melebihi Empat (4) Tingkat) dan Tajuk IV, Tajuk Kecil 2 (Kerja-Kerja Cerucuk) dan ii) memegang Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah.	RM300.00 sahaja Pembayaran hendaklah dibuat secara TUNAI sahaja	Terbuka	<u>Taklimat Tender & Lawatan Tapak</u> Tarikh : 10 Ogos 2026 (Isnin) Masa : 10.00 pagi Tempat : Pejabat Jurutera Daerah, JKR Tuaran 1. Petender WAJIB menghadiri Taklimat Tender secara fizikal pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. HANYA penama yang dinamakan di dalam sijil dibenarkan hadir taklimat tender tersebut. 2. Petender WAJIB menghadiri Lawatan Tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Penama yang dinamakan di dalam sijil ATAU wakil-wakil yang DITAULIAHKAN SAHAJA yang dibenarkan hadir Lawatan Tapak tersebut. 3. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan kepada Petender yang gagal menghadiri Taklimat Tender dan Lawatan Tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tersebut.

Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen Tender	:	24 Ogos 2026 sehingga 14 September 2026		
		Isnin - Khamis	-	8.30 Pagi - 12.00 Tengahari 2.00 Petang - 4.00 Petang
		Jumaat	-	8.30 Pagi - 11.00 Pagi 2.00 Petang - 4.00 Petang
Tarikh Tutup Tender	:	14 September 2026 (Isnin - Jam 12.00 Tengahari)		
Tempat Memasukkan Tender	:	Peti Tawaran Jabatan Kerja Raya Sabah, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR, Bangunan Kementerian Kerja Raya dan Utiliti (KKRU) Sabah, 88582 KOTA KINABALU, SABAH.		

1.0 Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada :-

1.1	<u>Opsyen 1</u> wakil-wakil yang ditauliahkan sahaja (Pegawai-pegawai syarikat yang dinyatakan dalam sijil SPKK/CIDB).	ATAU	<u>Opsyen 2</u> pemilik ATAU wakil yang sah sahaja dengan membawa 'SURAT TAULIAH' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil Dokumen Tender bagi pihak syarikat (PUKONSA).
-----	--	-------------	---

2.0 Dokumen-dokumen berikut adalah WAJIB dikemukakan semasa membeli Dokumen Tender :-

2.1	<u>Opsyen 1</u> Sijil-sijil ASAL 'PERAKUAN PENDAFTARAN CIDB' dan 'SIJIL PERAKUAN PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)' yang masih SAH tempoh pendaftaran pada tarikh tutup tender.	ATAU	<u>Opsyen 2</u> sijil-sijil ASAL 'PUKONSA' dan 'PERAKUAN PENDAFTARAN CIDB' yang masih SAH tempoh pendaftaran pada tarikh tutup tender.
-----	--	-------------	---

2.2. Salinan sijil-sijil seperti tersebut di perenggan 2.1 yang belum disahkan.

3.0 Pemilik sijil PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baru/Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut :-

- 3.1 Nama Pemilik Syarikat yang telah DISAHKAN oleh pihak PUKONSA, dan
3.2 Resit **ASAL** Penjelasan Pembayaran Kelulusan.

4.0 Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi semasa waktu pejabat, mulai **24 Ogos 2026** di :-

Kaunter Penjualan Dokumen Tender,
Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR,
Bangunan Kementerian Kerja Raya dan Utiliti (KKRU) Sabah,
88582 KOTA KINABALU, SABAH.

5.0 Semua Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan serta bertanda nombor rujukan tender dan dialamatkan kepada :-

Setiausaha,
Jawatankuasa Pembukaan Tender Perolehan Kerja,
Projek Pembangunan Persekutuan,
Jabatan Teknik Negeri Sabah,
Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR,
Bangunan Kementerian Kerja Raya dan Utiliti (KKRU) Sabah,
88582 KOTA KINABALU, SABAH.

Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada petender-petender yang mematuhi syarat-syarat berkaitan. Sebarang maklumat lanjut boleh diperolehi melalui laman [web jkr.sabah.gov.my](http://web.jkr.sabah.gov.my)

PENGARAH KERJA RAYA